

05/02/2003

Tasik Putrajaya bakal jadi lokasi sukan air

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Selain mengekalkan keindahan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, tasik di Putrajaya berpotensi menjadi lokasi terbaik bagi acara sukan air, termasuk peringkat antarabangsa.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempunyai minat peribadi terhadap pembangunan dan penjagaan tasik itu pernah mencetuskan pelbagai idea untuk mempromosikan tasik buatan manusia itu.

Menyahut saranan Dr Mahathir, Perbadanan Putrajaya buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Kenu Jemputan Antarabangsa 2003 (PKJAP 03) di Tasik Putrajaya, esok.

Dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Persatuan Kenu Kebangsaan Malaysia, PKJAP 03 mendapat sambutan 17 negara termasuk Jepun, Taiwan, Hong Kong, Brunei, Myanmar, Filipina, Singapura, Mongolia, China, Macau, Indonesia dan Thailand.

Penolong Pengarah Kanan (Perhubungan Awam) Jabatan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya, Norhazifa Mohamed, berkata PKJAP 03 bertujuan membuktikan kepada masyarakat sukan antarabangsa bahawa Tasik Putrajaya berpotensi menjadi lokasi acara sukan air.

"Acara ini juga sempena sambutan ulang tahun kedua Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya. Selepas menganjurkan Kejohanan Kenu Asia Tenggara pada 2000, kami mendapat maklum balas menggalakkan. Justeru itu, kami membuat jemputan ini kepada lebih 80 negara untuk menyertai pertandingan ini," katanya kepada Berita Harian semalam.

Pada masa sama, penganjuran PKJAP 03 adalah sebagai persediaan menganjurkan kejohanan kenu antarabangsa lain, terutama Kejohanan Kenu Asia pada 2005.

Bagi memastikan matlamat itu tercapai, urusetia pertandingan menjemput pegawai tertinggi dan exco Kesatuan Kenu Antarabangsa (ICF) untuk menyaksikan kemudahan di sini bagi melobi hak tuan rumah Kejohanan Kenu Asia 2005.

Upacara perasmian PKJAP 03 akan disempurnakan Perdana Menteri, manakala Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin menutup dan menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Sabtu ini.

PKJAP 03 terbahagi kepada dua kategori iaitu Kenu Polo dan Kenu Sprint. Kategori Kenu Sprint dibahagi kepada dua kategori utama, iaitu 200 meter dan 500 meter bagi lelaki dan wanita.

Sebelum pertandingan dimulakan, kursus kejuruteraan turut disediakan kepada pegawai ICF zon Asia.

Timbalan Presiden Persatuan Kenu Kebangsaan, Zulkafli Abas, berkata Tasik Putrajaya adalah lokasi terbaik bagi sebarang acara sukan air peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

"Pertandingan itu bukan saja dapat meningkatkan keupayaan dan pendedahan kepada atlit negara dan orang ramai terhadap sukan kenu, malah menjadikan Tasik Putrajaya lokasi terulung di dunia dalam acara sukan air," katanya.

Zulkafli berkata, pasukan kebangsaan yang terdiri daripada 40 atlit sudah bersedia menghadapi PKJAP 03 dan seterusnya menyertai pertandingan kenu peringkat antarabangsa lain.